

06 OCT 1997

SNAP MENYATAKAN SOKONGAN BAGI PUCUK PIMPINAN

KUCHING, 6 Okt (Bernama) -- Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), iaitu salah satu daripada komponen Barisan Nasional (BN) hari ini menyatakan sokongan padunya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam memperbetulkan keadaan ekonomi sekarang.

Setiausaha Agung SNAP Justin Jinggut berkata, parti itu mengecam usaha media antarabangsa dan individu-individu tertentu yang meragui Dr Mahathir dan menyebabkan kekeliruan di negara ini.

"Kita sentiasa menyokong Perdana Menteri dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam menangani masalah penyusutan nilai mata wang negara," kata beliau dalam satu kenyataan, hari ini. -- BERNAMA

CJ PR